

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PERBANDARAN MELAKA
BANDARAYA BERSEJARAH

DISEDIAKAN OLEH :

KUA AI MEI
SARJANA MUDA SAINS
(POLISI AWAM DAN SEKITARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2002

1100032998

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 15 FPE 1 2002



1100032998

Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Melaka
Bandaraya Bersejarah / Kua Ai Mei.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100032998

1100032998		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI MAJLIS PERBANDARAN MELAKA
BANDARAYA BERSEJARAH**

Oleh

**KUA AI MEI
Sarjana Muda Sains
(Polisi Awam dan Sekitaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2002

1100032998

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PERBANDARAN MELAKA
BANDARAYA BERSEJARAH
(MPMBB)**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **KUA AI MEI**, mengaku bahawa kertas projek bagi kursus **SOS 4299**, adalah hasil usaha saya sendiri.


Tandatangan




KUA AI MEI

28HB JULAI 2002

Disahkan oleh:



En. Mohd Nordin Mohd Abdullah
Ketua Jabatan,
Jabatan Pengajian Am,
Kolej Universiti Sains Dan
Teknologi Malaysia, Terengganu



Dr. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad
Penyelia,
Kursus SOS 4299,
Kolej Universiti Sains Dan
Teknologi Malaysia, Terengganu

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa pihak yang telah menghulurkan bantuan yang tidak terhingga kepada saya dan dapatlah saya menyempurnakan laporan praktikum ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberikan peluang kepada saya keluar mengikuti Program Latihan Industri. Saya juga berterima kasih kepada Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) kerana bermurah hati menerima saya dan memberi peluang kepada saya menjalankan Latihan Industri. Selain itu, saya juga berimah kasih kepada Dr. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad selaku penyelia di KUSTEM iaitu Penyelia Praktikum saya yang telah banyak memberi panduan dan nasihat untuk menghasilkan laporan praktikum yang baik. Sekalung terima kasih ditujukan kepada penyelia Pejabat Penasihat Undang-Undang, iaitu Cik Izawati binti Hashim yang telah memberi nasihat dan tunjuk ajar serta motivasi yang membina sepanjang saya menjalani latihan praktikum ini di MPMBB.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Encik Sulaiman bin Atan selaku Ketua Pegawai Penasihat Undang-Undang, Puan Thayvanai A/P Arumugam selaku Pembantu Pegawai Undang-Undang I dan Tuan Haji Hamyadi selaku Pembantu Tadbir Kualiti dan Latihan. Di sini saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Cik Izawati Binti Hashim selaku Pembantu Penasihat Undang-Undang II, Puan Zahariah Binti Baba selaku Pengarah Safeq Group dan tidak ketinggalan juga kepada semua kakitangan Pejabat Penasihat Undang-Undang yang banyak memberi peluang dan keyakinan kepada saya sewaktu menjalani latihan praktikum di sini. Segala tunjuk ajar dan selok belok pengurusan dan pendedahan yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekalung terima kasih juga saya tujukan buat semua yang turut serta sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa penghasilan laporan ini. Terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan buat ibu dan ayah serta ahli keluarga yang lain yang banyak memberi semangat dan galakan sepanjang saya menjalani latihan praktikum.

Besar harapan saya semoga laporan latihan praktikum yang dihasilkan ini dapat memberikan manfaat dan dapat dijadikan bahan rujukan kepada umum pada masa akan datang. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah terlibat dan membantu saya dalam menghasilkan laporan praktikum ini.

Sekian, terima kasih



Kua Ai Mei

Falkuti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE)

**Ijazah Sarjana Muda Sains- Polisi Awam dan Sekitaran
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Ringkasan Eksekutif

Latihan Industri (LI) merupakan satu kursus yang penting yang perlu diambil oleh semua pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. Tempoh yang dijalankan Latihan Industri ialah selama tiga bulan.

Latihan Industri yang diadakan ialah menempatkan pelajar dalam bidang pekerjaan sama ada dalam sektor kerajaan ataupun sektor swasta. Biasanya pelajar akan ditempatkan di organisasi yang berkaitan dengan kursus pelajar masing-masing. Ini kerana pelajar dapat menyumbangkan kemahiran ataupun pengalaman yang ada pada pelajar sendiri ke dalam bidang tertentu.

Latihan Industri ini adalah sangat penting kepada pelajar. Latihan Industri ini diadakan adalah berobjektif untuk menggalakkan pelajar menyumbang kepada negara dan masyarakat serta organisasi berdasarkan kemahiran dan pengajaran yang didapati oleh mereka selama berada di Institusi Pengajian Tinggi.

Selain itu, Latihan Industri juga merupakan satu peluang yang baik memupuk semangat, keyakinan dan persediaan kepada pelajar untuk

menghadapi masalah dan cabaran yang ada dalam masyarakat kini. Bagi pelajar yang memberi khidmat dan nilai yang baik kepada organisasi yang berkhidmat, kemungkinan mereka mempunyai peluang untuk bekerja di organisasi berkenaan selepas menamatkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi.

Latihan Industri ini juga mendatangkan permasalahan kepada pelajar iaitu terhadap kos perbelanjaan. Bagi pelajar yang melibatkan diri dalam bidang kerajaan mereka tidak diberi sebarang elaun. Dalam menjalankan Latihan Industri selama tiga bulan ini, pelajar terpaksa menanggung segala perbelanjaan oleh sendiri selama tempoh yang panjang ini dan ini secara langsungnya akan membebankan pelajar.

Walaupun bagaimanapun, Latihan Industri yang pertama kali dijalankan oleh Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) 2002 dengan berjayanya. Semua pelajar telah berjaya menghabiskan tempoh Latihan Industri dengan jaya tanpa membawa sebarang permasalahan kepada mana-mana pihak.